

LOKASI-LOKASI MENARIK BERHAMPIRAN HSAJB

BANGUNAN SULTAN IBRAHIM

Bangunan Sultan Ibrahim merupakan Bangunan Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri Johor di mana menempatkan Jabatan-jabatan Kerajaan Negeri Johor. Pembinaannya dicetuskan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim bagi melambangkan keagungan Kerajaan Negeri Johor yang sedang berkembang dan makmur.

Pada tahun 1937, Kerajaan Johor telah mempersetujui agar pembinaan bangunan Sultan Ibrahim adalah berdasarkan pelan dan rekabentuk yang dihasilkan oleh Syarikat Palmer dan Turner. Senibina yang dihasilkan itu adalah gabungan senibina Melayu Johor, Islam dan Kolonial. Sekali gus, upacara pecah tanah telah dilakukan oleh Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota pada 7hb November 1938.

Bangunan yang telah menelan belanja RM2,000,000.00 ini telah siap sepenuhnya pada tahun 1942. Luas kawasan adalah 68,000 meter². Satu Majlis Jamuan Makan Malam di Istana Besar telah diadakan pada 3hb November 1942 bagi meraikan pembukaan pejabat di Bukit Timbalan.

Sehingga kini, bangunan ini masih lagi tersegam indah dan dikagumi.

Yuran masuk adalah PERCUMA

MASJID ABU BAKAR

Masjid Abu Bakar merupakan masjid utama Negeri Johor di mana mampu menempatkan 2000 orang dalam satu masa. Lokasinya adalah amat strategik di atas bukit di Jalan Sultan Abu Bakar dan menghadap Selat Tebrau.

Pembinaan masjid ini telah memakan masa selama 8 tahun (1893-1900) dengan kos perbelanjaan sebanyak RM400,000. Seorang jurutera tempatan telah diberi kepercayaan dalam menjayakan projek pembinaan masjid tersebut iaitu Datuk Yahaya Awaludin dengan pengawasan kerja oleh Batwip Mohd. Arif.

Senibina masjid ini adalah gabungan senibina Islam dan Barat Neo-Klasik. Ianya mempunyai 4 buah anjung dan setiap anjung mempunyai menara kubah.

Sesungguhnya, Masjid Abu Bakar merupakan salah sebuah bangunan yang telah disenaraikan oleh Jabatan Muzium dan Antik sebagai nilai warisan yang dilindungi.

Panduan : Masjid ini terletak di Jalan Sultan Abu Bakar bersebelahan Komplek Islam Johor.

Yuran masuk adalah PERCUMA

Waktu Dibuka Untuk Pelawat

Hari Isnin-Khamis	: 9.00am ~ 4.00pm
Hujung Minggu dan Cuti Am	: 9.00am ~ 4.00pm
Hari Jumaat	: Tutup

MUZIUM DIRAJA SULTAN ABU BAKAR

Muzium Diraja Sultan Abu Bakar pada asalnya merupakan Istana Besar, tempat bersemayam Bapa Pemodenan Johor, Sultan Abu Bakar. Muzium ini telah mula dibina pada tahun 1864 dan siap sepenuhnya pada 1866. Rekabentuk yang menggabungkan senibina Melayu dan Inggeris ini diilhamkan oleh Datuk Yahaya Awaluddin. Sesungguhnya, Duke of Endinburgh pernah mengunjungi Istana Besar ini pada tahun 1867.

Pada awal tahun 1990an, Duli Yang Maha Mulia Sultan Iskandar telah memutuskan bahawa orang ramai sepatutnya diberi peluang untuk melihat Koleksi Keluarga Diraja di dalam muzium yang sempurna dan tersusun. Baginda juga telah menitahkan agar Istana Besar ditukarkan menjadi muzium dan pada masa yang sama masih digunakan untuk Majlis-majlis Keraian dan Adat istiadat Diraja Johor. Dengan itu, Baginda telah mengisytiharkan dengan rasminya pembukaan Muzium Diraja Sultan Abu Bakar pada 11 Mei 1990.

Di dalam muzium ini, tersimpan pelbagai khazanah berharga keluarga Di Raja Johor termasuk hasil seni, kelengkapan, peralatan adat istiadat, senjata rasmi, pingat dan darjah kebesaran serta koleksi perhiasan yang diperbuat dari emas, perak dan berlian.

Yuran Masuk

Warganegara Malaysia ~ RM5.00 (orang dewasa)

~ RM1.00 (kanak-kanak bawah 12 tahun dan pelajar sekolah)

Bukan warganegara Malaysia ~ USD7.00 (orang dewasa)

~ USD3.00 (kanak-kanak bawah 12)

Waktu Lawatan

Hari Isnin-Khamis : 9.00am ~ 5.00pm
Hujung Minggu dan Cuti Am : 9.00am ~ 5.00pm
Hari Jumaat : Tutup

Panduan : Terletak di dalam kawasan Taman Istana dan mudah untuk tiba dengan menggunakan Jalan Ibrahim atau Jalan Air Molek.

No. telefon Muzium Diraja Sultan Abu Bakar : 07-2230555

DATARAN BANDARAYA JOHOR BAHRU

Dataran Bandaraya Johor Bahru telah siap dibangunkan sepenuhnya pada 1 Januari 1994 sebagai mercu tanda pengisytiharan Johor Bahru sebagai Bandaraya. Gabungan pembinaan Menara jam, fountain, hamparan dan padang hijau yang luas menjadikan ianya cukup strategik untuk menganjurkan pelbagai aktiviti luaran seperti persembahan hiburan, sukan dan permainan serta pameran ekspo.

Panduan : Terletak bersebelahan dengan Jalan Abu Bakar dan Jalan Sungai Chat. Berhampiran dengan Hotel Hyatt Regency.

GALERI SENI JOHOR

Galeri Seni Johor pada asalnya merupakan sebuah kediaman yang dibina pada tahun 1910 dan dikenali sebagai Bangunan Dato' Abdullah Jaafar. Kediaman ini pernah menjadi kediaman rasmi Dato' Abdullah Jaafar iaitu Menteri Besar Johor ketiga.

Oleh kerana ciri-ciri seni binanya yang menarik, bangunan ini telah dipilih untuk dijadikan sebagai Galeri Seni Johor dan dirasmikan pada 29 Januari 1994 oleh Menteri Besar Johor pada masa itu. Pada ketika itu, galeri ini menjadi tempat pengumpulan dan pameran artifak bersejarah terutamanya yang berkaitan dengan seni dan budaya negeri Johor secara bersepadu. Galeri ini menerima kunjungan yang menggalakkan daripada pelawat-pelawat dalam dan luar negara.

Kerja-kerja menaik taraf bangunan ini dimulakan pada tahun 2000. Pada tahun 2003 cadangan telah dibuat untuk menjadikan galeri ini sebagai Galeri Seni Lukis sepenuhnya dan berfungsi sebagai pusat pendidikan, pengumpulan, peragaan, pendokumentasian, rujukan serta tempat untuk menjalankan aktiviti-aktiviti seni lukis. Galeri Seni Johor dibuka semula kepada orang ramai pada 6 Mei 2003. Upacara perasmianya dilakukan oleh Y.A.B Dato' Haji Abdul Ghani Othman, Menteri Besar Johor.

Waktu Lawatan

Hari Ahad-Sabtu : 9.00 am ~ 4.30 pm

Yuran masuk adalah **PERCUMA**

Panduan : Lokasi Galeri Seni Johor adalah di Jalan Petrie. Dari Pusat Bandar Johor Bahru, anda boleh menaiki teksi ke No.144, Jalan Petrie.

No. telefon Galeri Seni Johor : 07- 2263266

PUSAT KRAFTANGAN RUMAH MAWAR

Pusat Kraftangan Rumah Mawar menawarkan pelbagai pakaian seperti batik dan songket. Begitu juga dengan barangan kraftangan lain seperti tikar, bakul dan kerusi yang diperbuat dari rotan. Ini menjadikan pusat ini menjadi tempat tumpuan pengunjung untuk mendapat hasil-hasil kraftangan yang halus dan bermutu tinggi.

Demonstrasi membuat kraftangan juga ada dipersembahkan untuk pengunjung yang hadir.

Waktu Lawatan

Setiap Hari : 10.00am ~ 4.00 pm

Hari Rabu : Tutup

Yuran masuk adalah **PERCUMA**

Panduan : Lokasi pusat ini adalah di Jalan Sungai Chat. Dari Pusat Bandar Johor Bahru, anda boleh menaiki teksi ke No. 888, Jalan Sungai Chat.

No. telefon Pusat Kraftangan Rumah Mawar : 07-2235390

DANGA BAY

Teluk Danga atau lebih dikenali sebagai Danga Bay merupakan taman rekreasi yang terbesar dalam Negeri Johor. Ianya terletak berhampiran dengan Istana Bukit Serene dan kawasannya merangkumi seluas 1380 ekar.

Kawasannya yang terletak di persisiran pantai telah menjadikan ianya tempat yang amat sesuai untuk melakukan pelbagai aktiviti luaran seperti beristirehat, beriadah, berhibur, menjamu selera dan berkelah. Tambahan pula, pengunjung boleh menaiki bot atau feri untuk menikmati dengan lebih dekat lagi keindahan alam dan melihat pusat perikanan yang boleh diperolehi di Kampung Melayu.

Panduan : Lokasinya terletak di Jalan Skudai. Dari Pusat Bandar, anda boleh menaiki teksi atau berjalan di sepanjang persisiran Pantai Lido.

No. telefon Danga Bay : 07-2352333

MAKAM DIRAJA JOHOR

Makam Di Raja Johor yang terletak di Jalan Mahmoodiah menempatkan makam-makam Sultan dan Kerabat Di Raja Johor. Perasekitaran yang bersih dan dihiasi pokok menjadikan makam ini kelihatan tenang dan damai. Rekabentuk makam ini juga kelihatan unik dan menarik. Para pengunjung dibenarkan untuk datang melihat makam ini.

Yuran masuk adalah PERCUMA

Panduan : Lokasi Makam Di Raja Johor adalah terletak di dalam kawasan Perkuburan Mahmoodiah. Dari Pusat Bandar, anda boleh menaiki teksi menuju ke Perkuburan Mahmoodiah.

MUZIUM LAYANG-LAYANG PASIR GUDANG

Muzium Layang-layang Pasir Gudang menempatkan pelbagai layang-layang tradisional Melayu yang juga dikenali sebagai wau. Objektif utama kewujudan muzium ini adalah untuk memartabatkan lagi warisan kraftangan Malaysia .

Muzium ini bukan sahaja mempamerkan wau tradisional malahan layang-layang moden yang pelbagai bentuk, rupa dan warna. Pengunjung juga akan dapat melihat demonstrasi membuat wau yang dipaparkan melalui audio dan visual. Setiap tahun, penganjuran Festival Layang-layang Peringkat Antarabangsa akan diadakan dan ianya telah menarik beribu-ribu pengunjung untuk datang.

PANDUAN : Muzium Layang-layang Pasir Gudang terletak kira-kira 20km dari Pusat Bandar Johor Bahru iaitu kira-kira 35 minit perjalanan dengan memandu.

ZOO JOHOR BAHRU

Zoo Johor Bahru merupakan salah sebuah zoo yang tertua di Malaysia . Ianya telah dibina dalam tahun 1928 sewaktu pemerintahan Sultan Sir Ibrahim. Dalam tahun 1960an, zoo ini diserahkan kepada kerajaan negeri untuk kerja-kerja pengurusan dan penyelenggaraan. Ianya mula dibuka untuk kunjungan orang ramai pada tahun 1962.

Terdapat kira 100 spesis haiwan di dalam kawasan yang seluas 5 hektar ini. Selain melihat spesis haiwan, pengunjung juga boleh melakukan aktiviti seperti menaiki kuda dan paddle boat .

Waktu Lawatan

Setiap Hari : 8.00am ~ 6.00pm

Yuran Masuk

~ Orang Dewasa : RM2.00

~ Kanak-kanak : RM1.00

Panduan : Zoo Johor Bahru terletak di Jalan Gertak Merah. Dari Pusat Bandar Johor Bahru, anda boleh menaiki teksi ke zoo yang terletak bersebelahan dengan Taman Istana.

Sumber : Portal Rasmi Kerajaan Johor Darul Ta'zim

Panduan : sekiranya anda ingin ke lokasi berkenaan, anda boleh menaiki pengangkutan teksi atau bas dengan kadar bayaran tambang yang ditetapkan. Pengangkutan ini boleh diperolehi di hadapan HSAJB @ dengan menggunakan kenderaan persendirian, adalah terus menuju ke alamat berkenaan.